

Pakatan: Tangkapan ke atas mereka yang pijak gambar Nik Aziz, Guan Eng tidak ikhlas

Malaysian Insider

17 September, 2012

Oleh Lisa J. Ariffin

KUALA LUMPUR, 17 Sept — Pemimpin Pakatan Rakyat (PR) hari ini berkata tangkapan keatas beberapa individu yang terlibat dalam memijak dan kencing pada gambar pemimpin mereka adalah tindakan yang tidak ikhlas, selepas kritikan ke atas tindakan pihak berkuasa terus menahan beberapa orang anak muda yang memijak gambar pemimpin negara pada ambang merdeka bulan lepas.

Naib presiden PKR N Surendran berkata tangkapan itu dibuat selepas kementerian dalam negeri dan polis telah dikritik ke atas tindakan pantas ke atas sekumpulan anak muda yang memijak gambar perdana menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika menyambut ambang merdeka di Dataran Merdeka.

"Hanya kerana (menteri dalam negeri Datuk Seri) Hishamuddin (Hussein) dikritik teruk kerana orang ramai mengkritik polis yang berat sebelah ke atas mereka yang memijak gambar PM", kata Surendran kepada The Malaysian Insider.

Setiausaha publisiti DAP Tony Pua turut menyokong kenyataan Surendran dengan berkata, "kejadian kencing pada gambar ini sudah berlaku beberapa bulan lalu, adakah mereka telah diambil tindakan?"

"Atau adakah tangkapan ini dilakukan selepas rakyat sudah marah dengan polis yang hanya bertindak apabila gambar Najib dipijak?" kata Tony lagi.

"Jika Hishammuddin tidak berat sebelah, dia harus menangkap ahli Umno dan Perkasa yang telah memijak, mengoyak, membakar dan menghina gambar pemimpin PR sejak 2008," katanya lagi.

Ahli parlimen Shah Alam Khalid Samad berkata jika polis mengambil tindakan sejak dari awal, ia mungkin dapat menghentikan politik gangster yang gila serta aktiviti yang tidak masuk akal.

"Polis hanya menunggu sehingga gambar PM dipijak, dan mereka hanya bertindak apabila sudah ada kritikan, ini amat mengecewakan," kata Khalid.

"Ini menunjukkan polis berat sebelah dan tidak serius dalam menangani politik gangster dan tidak bermoral ini."

Surendran, bagaimanapun, berharap tiada tindakan jenayah dikenakan ke atas mereka yang ditangkap.

"Kita percaya pemimpin haruslah terbuka ke atas rakyat walaupun kritikan itu biadap dan tidak bersopan seperti kes mereka yang mengencing gambar pemimpin PR," kata Surendran.

“Asalkan ia tidak ganas, jangan jadikan itu satu perkara jenayah. Seperti mereka yang memijak gambar PM, ia tidak sopan tapi itu bukan jenayah.”

Pengarah bahagian siasatan jenayah (CID) Datuk Seri Mohd Bakri Zinin memberitahu The Malaysian Insider bahawa pihaknya sedang menahan mereka yang terlibat dalam dua insiden tersebut di bawah Akta Hasutan — walaupun Putrajaya mahu memansuhkan undang-undang tersebut.

Mohd Bakri berkata polis juga menahan mereka yang mengibarkan bendera Sang Saka Malaya kerana mereka cuba menyebarkan kebencian di bawah Seksyen 4 (1) (a) Akta Hasutan 1948.

Mereka yang terlibat dalam kesalahan Seksyen 4 (1) (a) Akta Hasutan ini akan dikenakan penjara mandatori tiga tahun atau denda sebanyak RM5,000 jika kesalahan pertama, dan boleh dinaikkan kepada lima tahun penjara jika kesalahan berulang.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-tangkapan-ke-atas-mereka-ya-ng-pijak-gambar-nik-aziz-guan-eng-tidak-ikhlas/>